

KECEKAPAN SOSIAL, TEKNIKAL DAN KOMUNIKASI DALAM PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DI KALANGAN PELAJAR UITM CAWANGAN KELANTAN

Muhammad Saiful Anuar Yusoff *

*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
saiful673@uitm.edu.my*

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Mohd Zuhi Ismail

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Abstrak: Pembelajaran secara maya (ODL) merupakan proses yang menjadi satu kemestian dalam era Covid19. Dalam keadaan ini, kefahaman terhadap kesediaan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dalam talian dan hubungannya dengan pencapaian amat diperlukan. Antara faktor yang boleh merealisasikan kecemerlangan dalam pembelajaran adalah kecekapan teknikal, kecekapan sosial dengan pensyarah dan rakan dan kecekapan berkomunikasi. Walau bagaimanapun, kesan kesemua pemboleh ubah ini terhadap penguasaan bahasa Arab masih belum dibuktikan secara empirikal. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis pengaruh pemboleh ubah di atas terhadap penguasaan bahasa Arab selain daripada mengenal pasti faktor paling penting yang perlu diberi keutamaan melalui analisis IPMA. Sebanyak 220 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda UiTM Cawangan Kelantan dan 214 daripada soal selidik tersebut digunakan selepas dijalankan proses pembersihan data. Data yang diperolehi telah di analisis dengan menggunakan perisian SmartPLS 3.0. Hasil kajian menunjukkan faktor kecekapan sosial dengan pensyarah ($\beta=0.328$, $t=3.796$, $p<0.01$, $f^2=0.082$) dan kecekapan komunikasi ($\beta=0.222$, $t=2.259$, $p<0.05$, $f^2=0.042$) mempengaruhi secara positif penguasaan bahasa Arab. Kecekapan sosial dengan rakan dan kecekapan teknikal didapati tidak mempengaruhi penguasaan bahasa Arab. Hasil analisis IPMA pula menunjukkan bahawa kecekapan sosial dengan pensyarah merupakan faktor paling penting yang mempengaruhi penguasaan bahasa Arab. Penemuan ini dengan jelas membuktikan interaksi aktif dalam talian dengan pensyarah dan komunikasi yang aktif dalam pembelajaran dalam talian merupakan aspek yang perlu diberi keutamaan untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan seterusnya menjamin kejayaan yang cemerlang dalam pembelajaran.

Kata Kunci: Kecekapan teknikal, kecekapan sosial dengan pensyarah, kecekapan sosial dengan rakan, kecekapan komunikasi, penguasaan bahasa Arab

1. Pendahuluan

Pelaksanaan pembelajaran atas talian telah lama dipraktikkan di negara-negara maju kerana ia dilihat mampu memberikan pelbagai manfaat dan kebaikan. Namun, Pandemik COVID-19 telah banyak mengubah lanskap kehidupan manusia pada hari ini. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) telah menyebabkan sekolah dan institut pendidikan tinggi (IPT) mengubah kaedah pelaksanaan pendidikan kepada atas talian sepenuhnya. Berikutan itu, proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah atau di institusi pengajian tinggi (IPT) mula dikendalikan sepenuhnya secara maya melalui sistem e-pembelajaran. Kebanyakan universiti tempatan baik awam mahupun swasta termasuk sekolah-sekolah di Malaysia tiada pilihan lain selain menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak ditangguhkan (Mohamad Idham, 2020).

Melalui kaedah pembelajaran dalam talian, pelajar bertanggungjawab untuk membangunkan sendiri proses pembelajaran. Kursus direka secara fleksibel untuk memenuhi keperluan pembelajaran secara individu atau pembelajaran berpusatkan pelajar (Ahmad, Philips, Santhi, & Wahid, 2013). Pengajaran dalam talian dapat dilakukan secara *synchronous* iaitu pengajaran yang melibatkan penggunaan pelantar teknologi yang boleh digunakan secara langsung seperti *Skype*, *Google Hangout*, *Google Meet*, *YouTube Live*, *Facebook Live* dan *Zoom Meeting*. Penggunaan pelantar teknologi ini membolehkan pensyarah menjalankan kuliah seperti biasa tanpa perlu berkumpul di dewan kuliah.

*Corresponding author: Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kampus Machang, Malaysia. Email: saiful673@uitm.edu.my

Pengajaran secara *asynchronous* pula merujuk kepada interaksi pembelajaran yang berlaku tanpa memerlukan pendidik dan pelajar hadir pada masa sama melalui penggunaan *Google Classroom, YouTube, GMail, Facebook, Twitter, Microsoft Teams, Schoology, Padlet, dan Edmodo*.

Untuk merealisasikan keberkesanan proses pembelajaran dalam talian, pelajar perlu diberi peluang untuk membangunkan kecekapan atau kemahiran mereka untuk menjalankan proses pembelajaran dalam talian. Kecekapan yang melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran atau sikap membolehkan seseorang untuk melaksanakan sesuatu aktiviti atau fungsi tertentu yang dijangkakan dalam sesuatu pekerjaan (Spector, 2001). Kecekapan merupakan persepsi individu terhadap keupayaan atau keupayaannya. Mereka perlu memiliki kecekapan sosial, kecekapan komunikasi dan kecekapan teknikal untuk memastikan keberkesanan pembelajaran dalam talian.

Namun, sehingga kini, masih belum jelas kesan kesemua pemboleh ubah kecekapan ini terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam talian. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pemboleh ubah di atas dapat mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab dalam talian. Secara khususnya, objektif pertama kajian adalah untuk mengukur hubungan kecekapan sosial dengan pensyarah, kecekapan sosial dengan rakan, kecekapan komunikasi dan kecekapan teknikal dengan pembelajaran bahasa Arab dalam talian. Objektif kedua pula adalah untuk meramalkan faktor yang paling penting yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab dalam talian melalui analisis IPMA.

2. Sorotan Literatur

2.1 Pembelajaran dalam talian

Pembelajaran dalam talian diertikan sebagai penggunaan maklumat dan teknologi komputer untuk mencipta pengalaman pembelajaran kursus dalam talian (Horton, 2006). Allen dan Seaman (2011) pula mentakrifkannya sebagai kursus yang menyampaikan sekurang-kurangnya 80% daripada semua isi kandungan kursus dalam talian. Di sebalik perbezaan istilah yang digunakan, elemen penting yang perlu diberi perhatian adalah keperluan pelajar untuk menguasai teknologi komputer dan internet untuk menjamin kelangsungan pembelajaran dalam talian.

Banyak manfaat yang boleh didapati melalui kaedah pembelajaran atas talian. Pelajar mempunyai akses kepada sumber pendidikan berkualiti tinggi melalui pembelajaran dalam talian. Melalui kaedah ini, seseorang mendapat peluang pendidikan pada kos yang lebih rendah daripada kursus yang dilakukan secara bersemuka. Selain itu, pengajaran menjadi lebih fleksibel kerana proses pembelajaran dapat dilakukan pada bila-bila masa dan mana-mana lokasi pelajar (Sabella & Hart, 2014). Pembelajaran dalam talian boleh menyediakan persekitaran pembelajaran yang bersifat peribadi kepada pelajar dan pengajar mereka dapat menyesuaikan kaedah dan bahan pengajaran berdasarkan kepada minat tertentu setiap individu (Twig, 2003).

2.2 Kecekapan pembelajaran dalam talian

Menurut Kerka (1998), kecekapan adalah bersifat individu yang memberi penekanan kepada apa yang diketahui dan yang boleh dilakukan oleh seseorang, menerangkan laluan yang fleksibel untuk mencapai hasil dan menyediakan satu piawai bagi mengukur sesuatu pencapaian. Kecekapan pembelajaran ditakrifkan sebagai pengetahuan, kemahiran, atau sikap yang membolehkan seseorang melaksanakan aktiviti pekerjaan atau fungsi tertentu yang dijangkakan dalam pekerjaan (Spector, 2001). Dalam kajian ini, kecekapan merujuk kepada persepsi individu terhadap keupayaan dirinya untuk bersosial, berkomunikasi dan menggunakan teknologi. Kecekapan sosial kajian ditakrifkan sebagai kemahiran, kecekapan, dan keyakinan diri untuk menguruskan situasi sosial dan membina serta mengekalkan hubungan sosial. Dalam konteks kajian ini, kecekapan sosial merujuk kepada kecekapan sosial pelajar dengan pensyarah dan kecekapan sosial mereka dengan rakan. Kecekapan komunikasi pula ditakrifkan sebagai keupayaan untuk menunjukkan pengetahuan tentang tingkah laku komunikatif yang sesuai dalam keadaan tertentu (Myllyla & Torp, 2010). Kecekapan teknikal pula ditakrifkan sebagai keyakinan diri dalam menggunakan sesuatu teknologi (Heo, 2011).

Kajian yang dijalankan oleh para sarjana sebelum ini menunjukkan terdapat hubungan di antara kecekapan sosial, komunikasi dan penggunaan teknologi dengan pencapaian akademik pelajar yang mengikuti pengajian dalam talian (Torun, 2020; Yu & Richardson, 2015, Cho & Jonassen, 2009) dan

keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan program (Santhi, Mohd Ghazali & Loo, 2015). Kajian Yu dan Richardson (2015) mendapati kesemua faktor model kajian iaitu kecekapan sosial, komunikasi, dan teknikal berkait rapat dengan hasil pembelajaran akademik dan kepuasan pelajar dalam mengikuti pembelajaran dalam talian. Kajian lebih awal yang dilakukan oleh Cho dan Jonassen (2009) mendapati kecekapan sosial pelajar dalam berinteraksi dengan tenaga pengajar dan rakan sebayanya dalam kursus dalam talian mempunyai hubungan yang ketara dengan pencapaian mereka dalam persekitaran pembelajaran dalam talian. Kajian berkaitan kecekapan interpersonal dan komunikasi pula menunjukkan bahawa ia merupakan peramal yang paling berpengaruh terhadap pencapaian akademik (Abu Bakar et al., 2020; Yu & Richardson, 2015; Betermieux & Heuel, 2009). Kecekapan teknikal pula dianggap sebagai komponen asas yang diperlukan untuk menjamin kejayaan pembelajaran dalam talian (Yu & Richardson, 2015; Osika & Sharp, 2002) dan ia merupakan peramal yang penting dalam kejayaan pembelajaran dalam talian (Herrera & Mendoza, 2011; Cho, 2012; Ben-Jacob, 2011).

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana di atas, hipotesis yang dibina adalah seperti berikut:

H₁: Kecekapan teknikal mempengaruhi secara positif penguasaan bahasa Arab.

H₂: Kecekapan sosial dengan pensyarah mempengaruhi secara positif penguasaan bahasa Arab.

H₃: Kecekapan sosial dengan rakan mempengaruhi secara positif penguasaan bahasa Arab.

H₄: Kecekapan komunikasi mempengaruhi secara positif penguasaan bahasa Arab.

3. Metodologi Kajian

Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian bahasa Arab sebagai bahasa ketiga peringkat Ijazah Sarjana Muda di UiTM Cawangan Kelantan. Seramai 240 responden kajian yang dipilih menggunakan teknik persampelan kebarangkalian rawak mudah. Borang soal selidik yang mengandungi 20 item soalan daripada instrumen SOLR Yu dan Richardson (2015) digunakan untuk mengukur kecekapan teknikal, sosial dan komunikasi manakala 10 item yang diadaptasikan daripada soal selidik Entrance-Exit Survey UiTM digunakan untuk mengukur penguasaan bahasa Arab.

Sebelum analisis data dilaksanakan, proses pembersihan data yang melibatkan beberapa ujian seperti data yang tidak lengkap dan pengesanan data terpicil dilakukan. Daripada 240 soal selidik yang diedarkan, 214 data yang baik dan bebas daripada masalah di atas dikekalkan untuk tujuan analisis selanjutnya. Data yang dikumpulkan ini kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SmartPLS 3.0 mengikut prosedur Permodelan Berstruktur *Partial Least Square* (PLS-SEM) yang melibatkan dua peringkat analisis iaitu model pengukuran item dan model pengukuran struktur. Kesahan konvergen dan kesahan diskriminan dipastikan pada peringkat analisis model pengukuran item manakala empat hipotesis yang dibina dianalisis pada peringkat analisis model pengukuran struktur.

4. Dapatan Kajian

4.1 Responden kajian

Responden kajian terdiri daripada 52 (24.3%) pelajar lelaki dan 162 (75.7%) pelajar perempuan di UiTM Cawangan Kelantan. Mereka terdiri daripada pelajar yang mengikuti tiga tahap bahasa Arab di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu TAC401 (106 orang atau 49.5%), TAC451 (61 orang atau 28.5%) dan TAC501 (47 orang atau 22.0%) yang mewakili lima fakulti pengajian iaitu Fakulti Pengurusan Perniagaan (142 orang atau 66.3%), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (35 orang atau 16.3%), Fakulti Perakaunan (22 orang atau 10.2%) dan Fakulti Pengajian Maklumat (15 orang atau 7.0%). Kebanyakan responden kajian berasal dari negeri Kelantan (82 orang atau 38.3%), diikuti negeri Terengganu (42 orang atau 19.6%) dan negeri Pahang (27 orang atau 12.6%) dan Johor (27 orang atau 12.6%) manakala baki (36 orang atau 16.9%) adalah pelajar berasal dari negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Seramai 175 (81.7%) daripada responden kajian mendapat pendidikan di sekolah menengah aliran biasa manakala hanya 39 (18.2%) daripada mereka berpendidikan sekolah menengah aliran agama. Seramai 139 (65.0%) responden kajian memiliki pengalaman mempelajari bahasa Arab manakala 75 (35.0%) responden tidak pernah mempelajari bahasa Arab.

4.2 Penilaian model pengukuran

Dalam bahagian ini, pengujian kesahan dan kebolehpercayaan data dilakukan. Tiga kriteria diperlukan dalam bahagian ini, iaitu kesahan konvergen, kesahan diskriminan dan kebolehpercayaan dalam item kajian (Ramayah et al., 2018). Kesahan konvergen merujuk kepada tahap beberapa item yang dapat mengukur konsep yang sama. Kesahan ini dicapai apabila kesemua nilai AVE (*average variance extracted*) melebihi nilai 0.50 dan CR (*composite reliability*) melepasi tahap minimum 0.7 (Hair et al., 2011). Kebolehpercayaan konstruk atau faktor yang dikaji diuji menggunakan nilai Cronbach alpha dan nilai rhoA. Nilai minimum yang diperlukan adalah sebanyak 0.7 (Cronbach, 1951). Dapatan kajian menunjukkan syarat minimum bagi kesahan konvergen, kesahan diskriminan dan kebolehpercayaan item soal selidik telah dipenuhi. Hasil analisis diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Ujian Kesahan Konvergen

Konstruk	Item	Muatan (Loading)	Cronbach	rhoA	CR	AVE
KK	KK1	0.843	0.859	0.861	0.905	0.704
	KK2	0.799				
	KK3	0.889				
	KK4	0.821				
KSP	KSP1	0.798	0.860	0.863	0.899	0.641
	KSP2	0.823				
	KSP3	0.816				
	KSP4	0.756				
	KSP5	0.808				
KSR	KSR1	0.882	0.929	0.932	0.946	0.779
	KSR2	0.860				
	KSR3	0.871				
	KSR4	0.909				
	KSR5	0.890				
KT	KT1	0.818	0.896	0.905	0.920	0.657
	KT2	0.825				
	KT3	0.812				
	KT4	0.810				
	KT5	0.848				
	KT6	0.745				
PBA	PB1	0.862	0.966	0.967	0.971	0.807
	PB2	0.894				
	PB3	0.897				
	PB4	0.899				
	PB5	0.887				
	PB6	0.914				
	PB7	0.923				
	PB8	0.908				

KK: Kecekapan Komunikasi, KSP: Kecekapan Sosial dengan Pensyarah, KSR: Kecekapan Sosial dengan Rakan, KT: Kecekapan Teknikal, PBA: Penguasaan Bahasa Arab, rhoA & CR: Kebolehpercayaan Komposit, AVE: Purata Varian Diekstrak
Sumber: Penulis (2020)

Kesahan diskriminan diperiksa menggunakan kriteria kaedah *Heterotrait-Monotrait* – HTMT (Henseler et al., 2015). Sekiranya nilai HTMT 0.90 atau lebih kecil daripada 0.90 (Gold et al., 2001), ini membuktikan kesahan diskriminan telah dicapai. Sebagaimana yang diterangkan dalam Jadual 2, kesahan diskriminan di antara konstruk kajian berada di bawah nilai yang ditetapkan iaitu 0.90. Semua nilai yang diperoleh di bawah tahap HTMT 0.90 (Gold et al., 2001) dan ini menunjukkan kesahan diskriminan telah dicapai.

Jadual 2: Ratio Heterotrait-Monotrait (HTMT)

	KK	KSP	KSR	KT	PBA
KK					
KSP	0.649				
KSR	0.700	0.725			
KT	0.314	0.485	0.428		
PBA	0.523	0.579	0.490	0.274	

KK: Kecekapan Komunikasi, KSP: Kecekapan Sosial dengan Pensyarah, KSR: Kecekapan Sosial dengan Rakan, KT: Kecekapan Teknikal, PBA: Penguasaan Bahasa Arab
Sumber: Penulis (2020)

4.3 Penilaian model struktur

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pengaruh kecekapan teknikal, kecekapan sosial dengan pensyarah, kecekapan sosial dengan rakan dan kecekapan komunikasi terhadap pencapaian bahasa Arab dalam talian pelajar UiTM Cawangan Kelantan. Untuk tujuan ini, empat hipotesis dibina di antara pemboleh ubah kajian. Fungsi *bootstrapping* SmartPLS 3.0 digunakan untuk menguji tahap signifikan dan nilai t bagi semua pekali laluan dalam model kajian. Hasil analisis membuktikan bahawa dua pekali laluan didapati signifikan pada aras 0.05 dengan nilai $t \geq 1.645$, kecuali kesedaran sosial dengan rakan dan kesedaran komunikasi yang didapati tidak mempengaruhi pencapaian bahasa Arab pelajar.

Seterusnya, kualiti model kajian ditentukan melalui nilai saiz kesan (f^2), nilai R^2 dan nilai Q^2 (Hair et al., 2017). Dapatan analisis menunjukkan saiz kesan (f^2) adalah pelbagai, daripada saiz kesan yang kecil (0.042) hinggalah kepada saiz kesan yang besar (0.082). Nilai R^2 pula adalah besar iaitu 0.323 manakala nilai Q^2 yang melebihi nilai 0 menunjukkan model kajian memiliki kerevelenan peramalan yang mencukupi (Hair et al., 2017). Kesemua hasil analisis pengujian hipotesis kajian dan kualiti model dijelaskan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Ujian Pekali Laluan

Hipotesis	Hubungan	Beta	SE	Nilai t	Keputusan	R^2	f^2	Q^2
H1	KT -> PBA	0.020	0.074	0.270	Tidak Disokong		0.000	
H2	KSP -> PBA	0.328	0.086	3.796	Disokong	0.323	0.082	0.247
H3	KSR -> PBA	0.108	0.097	1.109	Tidak Disokong		0.008	
H4	KK -> PBA	0.222	0.098	2.259	Disokong		0.042	

KK: Kecekapan Komunikasi, KSP: Kecekapan Sosial dengan Pensyarah, KSR: Kecekapan Sosial dengan Rakan, KT: Kecekapan Teknikal, PBA: Penguasaan Bahasa Arab

** $p < 0.01$, nilai t lebih besar daripada 2.33.

* $p < 0.05$, nilai t lebih besar daripada 1.645.

Sumber: Penulis (2020)

4.4 Analisis matrik kepentingan-pencapaian (IPMA)

Ujian pekali laluan (Jadual 3) sebelum ini telah memberikan gambaran dimensi kecekapan pembelajaran bahasa Arab dalam talian yang penting terhadap penguasaan bahasa Arab dalam talian. Namun skor prestasi atau pencapaian setiap dimensi kecekapan tidak dinyatakan. Justeru, analisis IPMA digunakan berasaskan kepada kemampuannya mengesan pemboleh ubah bersandar yang penting (memiliki saiz kesan yang besar) dan dalam masa yang sama dapat mengenal pasti skor prestasi atau pencapaian setiap pemboleh ubah bersandar (Martilla & James, 1977; Slack, 1994). Oleh yang demikian, matlamat penggunaan analisis IPMA adalah untuk mengenal pasti dimensi yang penting tetapi memiliki skor prestasi atau pencapaian yang agak rendah untuk membolehkan proses penambahbaikan terhadap prestasi semasa dilakukan.


Rajah 1 dan Jadual 4 jelas menunjukkan dimensi kecekapan pembelajaran bahasa Arab dalam talian yang paling penting ialah kecekapan sosial dengan pensyarah (KSP) (0.379) diikuti dengan kecekapan komunikasi (KK) (0.247). Walaupun prestasi kecekapan interaksi pelajar dengan pensyarah sedikit rendah (69.772) berbanding dengan kecekapan berkomunikasi (73.906), tahap prestasi interaksi dan kecekapan berkomunikasi pelajar masih berada pada tahap yang tinggi. Dimensi kecekapan sosial

dengan rakan (KSR) dan kecekapan teknikal (KT) bukan merupakan faktor penting yang mempengaruhi penguasaan bahasa Arab walaupun prestasi kedua-duanya adalah tinggi.

Jadual 4: Analisis IPMA

Dimensi	Keputusan (Kesan Total)	Prestasi/Pencapaian (Nilai Indeks)
KK	0.247	73.906
KSP	0.379	69.772
KSR	0.115	77.184
KT	0.025	67.029

KK: Kecekapan Komunikasi, KSP: Kecekapan Sosial dengan Pensyarah, KSR: Kecekapan Sosial dengan Rakan, KT: Kecekapan Teknikal.



Rajah 1: Rajah IPMA bagi dimensi kecekapan pembelajaran bahasa Arab dalam talian

5. Perbincangan

Kajian ini dilakukan untuk melihat pengaruh kecekapan teknikal, kecekapan sosial dengan pensyarah dan rakan dan kecekapan berkomunikasi terhadap penguasaan bahasa Arab dalam talian. Kajian menunjukkan kecekapan sosial dengan pensyarah merupakan penyumbang utama kepada penguasaan bahasa Arab ($\beta=0.328$, $t=3.796$, $p<0.01$, $f^2=0.082$) diikuti dengan kecekapan komunikasi ($\beta=0.222$, $t=2.259$, $p<0.01$, $f^2=0.042$). Dengan kata lain, dua hipotesis sahaja disokong manakala dua lagi iaitu kecekapan sosial dengan rakan dan kecekapan teknikal tidak mempengaruhi penguasaan bahasa Arab. Dalam kajian ini, sebanyak 32.3% daripada penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di UiTM Cawangan Kelantan sosial dengan pensyarah dan kecekapan berkomunikasi. Walaupun demikian, kekuatan hubungan adalah berbeza.

Kecekapan sosial dengan pensyarah didapati memberikan sumbangan yang paling besar terhadap penguasaan bahasa Arab. Hasil kajian ini secara tidak langsung menyokong dapatan Cho dan Jonassen (2009) yang menyatakan bahawa kecekapan berinteraksi dengan tenaga pengajar mempengaruhi pencapaian pelajar yang mengikuti kursus pembelajaran dalam talian. Walaupun demikian, berbeza dengan kajian beliau, dapatan kajian ini tidak menyokong dapatan beliau yang melihat adanya hubungan di antara kecekapan berinteraksi dengan rakan dengan pencapaian pelajar. Keadaan ini mungkin disebabkan interaksi pelajar sesama pelajar berkaitan akademik atau bahan pembelajaran tidak seaktif hubungan mereka dengan pensyarah. Dalam kelas dalam talian, komunikasi dengan pensyarah lebih banyak berlaku dengan pensyarah berbanding dengan rakan melalui proses bertanya soalan, memberikan pendapat dan sebagainya. Interaksi sesama pelajar mungkin tidak berlaku disebabkan penggunaan masa sepenuhnya dengan aktiviti pengajaran yang melibatkan banyak interaksi di antara guru dengan pelajar.

Kecekapan komunikasi merupakan faktor kedua penting yang mempengaruhi penguasaan bahasa Arab. Pelajar lebih selesa menyatakan pendapat secara bertulis kepada orang lain, memberi respon

kepada idea orang lain dan mampu memberi maklum balas yang membina dan proaktif kepada orang lain walaupun tidak bersetuju dengan idea mereka. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian sebelum ini yang memperlihatkan kecekapan komunikasi merupakan peramal yang paling berpengaruh terhadap pencapaian akademik (Abu Bakar et al., 2020; Betermieux & Heuel, 2009). Selari dengan dapatan Rafiza (2013), tingkah laku pelajar berubah melalui teknik pembelajaran yang berbeza. Pelajar lebih suka berinteraksi dan berasa lebih selesa untuk memberi pendapat apabila tidak perlu berhadapan secara langsung dengan pensyarah atau pun rakan sekelas.

Kecekapan teknikal didapati tidak mempengaruhi pencapaian bahasa Arab pelajar. Dapatan kajian ini bertentangan dengan hasil kajian sebelum ini yang menunjukkan pengaruhnya yang positif terhadap pembelajaran dalam talian (Osika & Sharp, 2002) dan peramal utama terhadap kejayaan pembelajaran dalam talian (Herrera & Mendoza, 2011; Cho, 2012; Ben-Jacob, 2011). Dapatan yang bertentangan ini mungkin disebabkan oleh fokus kecekapan teknikal dalam kajian ini lebih kepada aspek kecekapan, kemahiran dan keyakinan untuk mengikuti pembelajaran dalam talian menggunakan secara khusus teknologi komputer dalam pembelajaran. Pada hakikatnya, kebanyakan pelajar banyak bergantung kepada media elektronik selain daripada komputer seperti telefon bimbit atau *ipad* disebabkan masalah capaian internet yang kurang memuaskan apabila menggunakan komputer rumah atau komputer riba.

Analisis IPMA yang dijalankan terhadap dimensi kecekapan pembelajaran bahasa Arab dalam talian menunjukkan hanya dua dimensi sahaja yang dianggap penting dalam menentukan penguasaan bahasa Arab iaitu kecekapan sosial dengan pensyarah dan kecekapan komunikasi. Walaupun kecekapan sosial dengan pensyarah merupakan dimensi paling penting, prestasinya yang sedikit rendah berbanding kecekapan berkomunikasi memerlukan pelajar meningkatkan lagi kualiti interaksi mereka dengan pensyarah semasa mengikuti pembelajaran dalam talian melalui kekerapan bertanya soalan, memberikan pendapat, berbincang secara aktif dengan pensyarah dan memaklumkan pensyarah dengan segera sekiranya berlaku masalah luar jangka seperti talian internet terputus, perbualan tersekat-sekat dan sebagainya. Walaupun pelajar kerap berinteraksi dengan rakan dan memiliki kemahiran menggunakan komputer yang tinggi, kedua dimensi ini tidak memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka.

6. Kesimpulan

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini, kecekapan sosial dengan pensyarah dan kecekapan komunikasi merupakan faktor penting yang menjamin pencapaian cemerlang pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dalam talian. Sumbangan besar kecekapan sosial dengan pensyarah dan kecekapan berkomunikasi terhadap pencapaian pelajar membuktikan ia merupakan faktor sangat penting yang perlu diberi keutamaan dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian di musim pandemic Covid 19. Namun, kecekapan sosial dengan perlu ditingkatkan lagi prestasinya. Walaupun kecekapan teknikal dan kecekapan sosial dengan rakan dilihat tidak penting terdapat pencapaian bahasa Arab pelajar, tidak bermakna faktor ini perlu diabaikan disebabkan pelajar perlu menguasai kesemua kemahiran dan kecekapan yang diperlukan untuk merealisasikan pembelajaran yang lebih berkesan dan bermakna.

Rujukan

- Abu Bakar, Kiramat Shah, & Xu Qingyu. (2020). The Effect Of Communication Barriers On Distance Learners Achievements. *Revista Argentina de Clínica Psicológica*, 24(5), 248-264 DOI: 10.24205/03276716.2020.1027.
- Ahmad Mohamad, John Arul Philips, Santhi Raghavan, & Wahid Razzaly. (2013). *Code of Practice For Open and Distance Learning - Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (dual-language)*. Malaysian Qualifications Agency.
- Allen, I. E., & Seaman, J. (2011). *Going the Distance Online Education in the United States*, Babson Survey Research Group and Quahog Research Group, LLC.
- Ben-Jacob, M. (2011). Technology and critical inquiry: A necessary foundation for today's student. *Proceedings of the World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications 2011* (pp. 3388-3391). AACE.

- Betermieux, S., & Heuel, E. (2009). *Design and use of a web based support tool for students' self-management in university and distance university settings*. Paper presented at the World Conference on Online learning in Corporate, Government, Healthcare, and Higher Education 2009, Chesapeake, VA.
- Cho, M.H. (2012). Online student orientation in higher education: A development study. *Educational Technology Research and Development*, 60(6), 1051-1069.
- Cho, M.-H., & Jonassen, D. (2009). Development of the human interaction dimension of the self-regulated learning questionnaire in asynchronous online learning environments. *Educational Psychology*, 29, 117-138.
- Cronbach, L. J. (1951). Coefficient Alpha and the Internal Structure of Test. *Psychometrika*, 16(3), 297-334.
- Enterance-Exit Survey. <https://ssoufuture.uitm.edu.my/ess/questions/index/TAC501>
- Gold, A. H., Malhotra, A., & Segars, A. H. (2001). Knowledge management: an organizational capabilities perspective. *Journal of Management Information Systems*, 18(1), 185–214.
- Hair, J., Hollingsworth, C.L., Randolph, A.B., & Chong, A. (2017). An updated and expanded assessment of PLS-SEM in information systems research. *Industrial Management & Data Systems*, 117(3), 442-458.
- Hair, J.F., Ringle, C.M., & Sarstedt, M. (2011). PLS-SEM: Indeed a silver bullet. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 19(2), 139-151.
- Henseler, J., Ringle, C.M., & Sarstedt, M. (2015). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43(1), 115-135.
- Heo, M. (2011). Improving Technology Competency and Disposition of Beginning Pre-Service Teachers with Digital Storytelling. *Journal of Educational Multimedia and Hypermedia*, 20(1), 61-81.
- Herrera, L., & Mendoza, N. (2011). Technological and pedagogical perceptions on b-learning from two opposite academic programs. *Proceedings of the World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications 2011* (pp. 1078-1084). AACE.
- Horton, W. (2006). *Online learning by design*. Pfeiffer.
- Kerka, S. (1998). *Competency-based education and training. Myths and realities*. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED415430.pdf>
- Martilla, J.A. & James, J.C. (1977). Importance-performance analysis. *Journal of Marketing*, 41(1), 77-79.
- Mohamad Idham Md Razak. (2020, April 9). *COVID-19: Pembelajaran atas talian suatu keperluan ke arah menuju Malaysia maju*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arrah-menuju-malaysia-maju-237496>
- Myllylä, M., & Torp, H. (2010). Second Life in Building Social Competence in Teacher Education. *Proceedings of the Society for Information Technology & Teacher Education International Conference 2010* (pp. 2795-2798). Chesapeake, VA: AACE.
- Osika, E. R., & Sharp, D. P. (2002). Minimum technical competencies for distance learning students. *Journal of Research on Technology in Education*, 34(3), 318-325.
- Rafiza Abdul Razak (2013). Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 345-46.
- Ramayah, T., Jacky C., Francis C., Hiram T., & Memon M. A. (2018). *Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) using SmartPLS 3.0. An Updated and Practical Guide to Statistical Analysis*. Second Edition. Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Sabella, L., & Hart, J. (2014). Are There Benefits of Online Learning for Students with High-Functioning Autism Spectrum Disorders? *The Exceptional Parent*, 44(4), 48-50.
- Santhi Raghavan, Mohd Ghazali Mohayidin, & Loo Sin Chun. (2015). Access to Higher Education via ODL: Addressing Attrition to Maximize University Sustainability. *American Journal of Economics*, 5(2), 208-216. doi: 10.5923/c.economics.201501.26
- Slack, N. (1994). The importance-performance matrix as a determinant of improvement priority. *International Journal of Operations and Production Management*, 44(5), pp. 59-75.

- Spector, J. M. (2001). Glossary of IBSTPI instructional design terms. In R. C. Richey, D. C. Fields, & M. Foxon (Eds.), *Instructional Design Competencies: The Standards*. Syracuse (pp. 179-184). ERIC Clearinghouse on Information & Technology.
- Torun, D. (2020). Online Distance Learning in Higher Education: E-Learning Readiness as a Predictor of Academic Achievement. *Open Praxis*, 2(2), 191–208. ISSN 2304-070X
- Twigg, C. (2003). Improving learning and reducing costs: New models for online learning. *EDUCAUSE Review*, 38(5), 28–38.